

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 NOVEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 39

Kerajaan stabil penting untuk kukuhkan ekonomi

Bagi menangani tekanan inflasi, sekuriti makanan serta berdepan kemelesetan ekonomi global 2023

Oleh MEOR SHAHROM
SHAH ALAM

Kerajaan baharu mempunyai tugas yang mencabar iaitu untuk terus mempertahankan momentum pemulihan ekonomi negara, ia tidak boleh dibiarkan perlahan memandangkan ekonomi global yang diramalkan amat mencabar pada tahun 2023.

Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UnikL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, sekiranya pembangunan diperlahankan ia akan memberikan kesan buruk



AIMI ZULHAZMI

kepada aliran ekonomi negara.

"Kita memerlukan kerajaan yang stabil dan kuat untuk membetulkan struktur ekonomi negara agar lebih kukuh dalam berdepan pelbagai isu seperti inflasi, sekuriti makanan, graduan menganggur, pergantungan kepada pekerja asing dan kurangnya budaya pembangunan dan penyelidikan 'R&D' dalam industri pembuatan Malaysia.

"Parlimen tergantung memberi kesan kepada kita terutamanya Belahjawan Negara 2023 yang masih tidak sempat diluluskan, ini membuatkan segala perancangan mungkin perlu dilakukan semula, bagi memastikan landasan ekonomi negara berada

pada tahap baik dengan momentum kenaikan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Kerajaan stabil penting untuk kukuhkan ekonomi



Kestabilan politik akan memudahkan pelabur membuat perancangan strategik jangka panjang kerana ia melibatkan jumlah pelaburan yang besar.

yang berterusan," katanya.

Baru-baru ini Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan prestasi ekonomi bagi suku ketiga ialah 14.2 peratus. Jadi momentum ini mesti dikekalkan,

sekiranya tidak ekonomi akan kembali menguncup. Ekonomi domestik perlu diperkukuhkan kerana ia menjadi enjin penggerak ekonomi terutama berdepan cabaran tahun hadapan.

Selain itu, kerajaan baharu perlu mempunyai kestabilan politik. Ini adalah faktor penting yang akan menjadi perhatian para pelabur luar dan tempatan khususnya selepas Pilihan Raya Umum ke-14 yang lalu yang mana kedudukan Malaysia agak ketinggalan berbanding negara serantau.

"Kestabilan politik mampu menjadi magnet dalam menarik pelabur langsung asing (FDI). Vietnam dan Indonesia dilihat telah merapatkan jurang dan melebihi kita dalam menarik FDI di ASEAN.

"Kestabilan politik akan memudahkan pelabur-pelabur membuat perancangan strategik jangka panjang kerana ia melibatkan jumlah pelaburan yang besar hingga bertrilion banyaknya.

"Seperkara lagi, pasti pelabur mencari kerajaan kuat dan stabil dengan mengekalkan dasar yang mesra pelabur," katanya.